

bnh

UTARA KAUT UNTUNG DARIPADA ALAM SEKITAR , KATA MAHATHIR
Mahathir - Sidang
Daripada Kuah Guan Oo

1

RIO DE JANEIRO, 15 Jun (Bernama) -- Negara-negara kaya di Utara akan terus mengaut keuntungan perniagaan daripada alam sekitar kerana negara membangun mempunyai kemampuan yang terhad untuk mencipta teknologi yang tidak merosakkan alam sekitar, kata Dr Mahathir Mohamad pada Ahad lepas.

+Mereka kini memikirkan berapa banyak yang akan diperolehi, dan alat yang boleh dicipta mereka, + katanya kepada pemberita Malaysia semasa penutupan Sidang Kemuncak Bumi selama 12 hari di sini.

Sejumlah 180 negara telah bersidang untuk mencari jalan bagi mencegah kemerosotan keadaan alam sekitar, tanpa menjejaskan pembangunan.

Perdana Menteri berkata beliau kecewa kerana negara-negara kaya nampaknya masih belum mengubah sikap bagi mengadakan satu perkongsian baru dengan negara-negara Dunia Ketiga untuk mengatasi masalah pencemaran dan kemerosotan keadaan alam sekitar sedunia.

Beliau berkata negara-negara Selatan masih bergantung kepada Utara bagi mendapatkan teknologi untuk membangun (tanpa merosakkan alam sekitar) kerana kemampuan mereka untuk mencipta teknologi itu adalah terhad.

+Tetapi kita akan terus mendesak (mereka untuk mengubah sikap), + tambah beliau.

Dr Mahathir berkata negara-negara Utara sedang memikirkan berapa banyak keuntungan yang boleh diperolehi daripada alat-alat baru itu atau faedah daripada penjualan dan royalti daripada teknologi baru itu. -- Lagi.

▼15/06/12-14MST

RGB 15-06 00174 BA949

bah

Mahathir - Sidang 2, Rio de Janeiro

Sebagai contoh, beliau berkata, kereta kini harus dipasang dengan alat yang mengawal pengeluaran asap dan Malaysia, sebagai negara membangun, tidak perlu berbuat demikian kerana kosnya tinggi.

+Tetapi kita memutuskan untuk berbuat demikian, yang menunjukkan sejauh manakah kita mengambil berat tentang alam sekitar dan kita perlu membeli alat-alat ini dari Utara. Jika kita mengeluarkannya sendiri, kita harus membayar mereka royalti.

+Utara akan mengaut keuntungan daripada alam sekitar, + tambah beliau.

Ketika mengulas mengenai pertemuannya dengan Bruno Manser pada pagi Ahad, Perdana Menteri berkata beliau mahu tahu mengenai masalah uarganegara Switzerland itu yang telah tinggal dengan kaum Penan di Sarawak dan kononnya memperjuangkan nasib masyarakat itu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak bersetuju dengan Manser bahawa kaum Penan harus diberi hanya satu pilihan, iaitu untuk kembali hidup di hutan.

Kaum Penan, katanya, harus diberi dua pilihan: pendedahan dan pengalaman terhadap kehidupan di penempatan baru dan jika mereka tidak menyukainya, mereka akan dibenarkan kembali ke hutan. -- Lagi.

▼15/06/12-27MST

RGB 15-06 00194 BA950

bah

Mahathir - Sidang 3 Rio de Janeiro

+Saya menarik perhatiannya kepada kaum kulit hitam Amerika yang diheret keluar dari hutan Afrika ke Amerika, dan selepas mereka dibebaskan, mereka tidak pula memilih untuk kembali ke hutan Afrika,+ tambah beliau.

Beliau berkata ini bukan soal penjelasan Malaysia atau maklumat mengenai kaum Penan tidak sampai kepada masyarakat Utara.

+Ini merupakan soal sikap Utara yang terlalu ghai'rah untuk memberitahd Selatan bagaimana caranya untuk melakukan sesuatu... ia seperti mentaliti +beban bangsa kulit. putih+ yang malangnya masih wujud hari ini,+ tambah beliau.

Semasa merumuskan kehadiran Malaysia pada Sidang Kkmuncak itu, beliau berkata in memberi faedah kepada negara secara amnya dan Malaysia telah memberi sumbangan ke arah mewujudkan persefahaman yang lebih baik mengenai isu alamsekitar dan pembangunan.

Malahan sejak dua setengah tahun semasa persiapan dan rundingan dibuat menjelang Sidang Kemuncak itu, Malaysia memainkan peranan penting dalam penyediaan teks dan resolusi persidangan.

(Seorang pegawai Kementerian Luar membantu menyediakan draf Perisytiharan Rio, Agenda 21, prinsip mengenai perhutanan yang tidak terikat kepada undang-undang, konvensyen mengenai iklim dan kepelbagaian biologi yang diterima pada sidang kemuncak itu.) -- Lagi.

CNS3657

R GB 15-06 00180 BA951

bah

Mahathir - Sidang 4 Rio de Janeiro

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Selatan menentang tekanan Utara bagi mengadakan perjanjian antarabangsa mengenai hutan tropika. +Kami mungkin mengadakan konvensyen mengenai hutan apabila semua negara kaya mempunyai semua hutan mereka,+ tambah beliau.

Malaysia dan negara-negara Selatan, katanya, sudah menyatakan kepada Utara bahawa jika mereka mahu menggunakan kepelbagaian biologi Selatan, mereka (Utara) harus menbaynr pampasan atau royaltinya.

Dr Mahathir berkata beliau juga bertemu dengan beberapa pemimpin untuk membincangkan cara memper'tingkatkan hubungan dua hala dan isu mengenai Sidang Kemuncak itu. Antara mereka ialah rakan sejawatannya dari Sweden, Kepulauan Cook, Pakistan, China, dan Timbalan Perdana Menteri' Iraq, Tariq Aziz.

Menyentuh mengenai soal komitmen kewangan dari Utara yang menjadi masalah pada Sidang itu hingga ke saat akhir, beliau berkata, Utara mendakwa negara-neagra dunia ketiga menyalahgunakan tabungan yang disediakan di bawah Bantuan Rasmi Pembangunan (ODA) daripada mereka lebih 20 tahun lepas.

+Jika demikian halnya, mereka boleh mengawasinya,+ katanya sambil menegaskan bahawa Utara hanya menyalahkan Selatan (untuk menyembunyikan) keengganan mereka memenuhi matlamat. ODA mereka. -- Lagi.

▼15/06/13-04MST

CNS3674

RGB 15-06 00158 BA952

bah

Mahathir - Sidang 5 Rio de Janeiro

Menurut ODA yang dianjurkan oleh PBB, semua negara Utara kecuali Amerika Syarikat, berikrar memperuntukkan 0.7, peratus daripada Keluaran Negara Kasar mereka bagi ODA untuk menyediakan pinjaman mudah dan geran kepada negara-negara membangun untuk membiayai pembangunan mereka.

Sehingga ini, Utara cuma menyempurnakan 0.3 peratus daripada sasaran mereka, kecuali bagi sesetengah negara.

Pada Sidang it-u, negara-negara Selatan mendesak Utara memenuhi sasaran mereka itu menjelang tahun 2000 dan mereka perlu mencapai satu tolak-ansur tentang penyusunan kata-kata mengenai sasaran itu, yang harus dipenuhi oleh Utara.

ODA harus disalurkan kepada program Kemudahan Alam Sekitar Sedunia (GEF) yang diuruskan oleh Bank Dunia yang menjadi mekanisme untuk mengeluarkan wang kepada negara-negara dunia ketiga bagi melaksanakan Agenda 21.

Dr Mahathir mengakui bahawa negara-negara Utara kini bersetuju membuka keanggotaan GEF untuk menjadikannya lebih jelas dan demokratik dan Malaysia akan menjadi anggotanya selepas mendapat persetujuan kabinet. -- Lagi.

♥15/06/13-14MST

CNS3683

RGB 15-06 00143 BA953

bah

Mahathir - Sidang 6 (Akhir) Rio de Janeiro

Yuran keanggotaan GEF ialah ASS4 juta (kira-kira MS10 juta) dan ASS2 juta daripadanya disediakan oleh Bank dunia kepada negara-negara miskin.

+Setiap negara seharusnya menjadi anggota, bukan kerana kita mampu tetapi kerana GEF tidak harus menjadi milik eksklusif Utara, + tambah beliau.

Ketika mengulas komitmen terhadap ODA di kalangan negara-negara kaya, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak menerima bantuan daripada tabung itu. Ia hanya menerima pinjaman.

+Tetapi demi untuk negara-negara membangun dari Selatan, kami tidak berpuas hati (dengan komitmen itu), + tambah beliau.

Beliau menarik perhatian walaupun negara-negara miskin dari Selatan akan menerima bantuan dari Utara melalui ODA, mereka juga merupakan penerima karbon dioksida dan gas-gas lain kesan rumah kaca.

Dr Mahathir yang tiba di sini pada hari Khamis, berlepas pulang malam Ahad. -- Bernama.

♥15/06/13-24MST